



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2023**

**MPP 3
BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

Nama :

Kelas :




DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini wajib dijawab.**Maklumat di bawah berkaitan dengan semangat patriotik.**Huraikan pendapat anda tentang semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.**Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Masalah kesihatan mental dalam kalangan murid sekolah didapati semakin membimbangkan dengan bilangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun untuk membunuh diri meningkat kepada 13.1% pada tahun 2022 berbanding 10% lima tahun sebelumnya. Tekanan akademik dan pengaruh gaya hidup moden dikatakan menjadi punca yang mempengaruhi kesihatan mental murid. Di samping itu, masalah keluarga juga merupakan punca masalah ini.

Sumber : mkn.gov.my

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan punca-punca tersebut.

2.

Masalah alam sekitar yang semakin membimbangkan seperti penebangan hutan secara tidak terkawal, pencemaran sungai dan pencemaran udara semakin serius di negara kita. Masalah ini dianggap sebagai kesan yang tidak boleh dielakkan sekiranya masyarakat ingin mencapai pembangunan dan kemajuan di sesebuah kawasan. Oleh itu, penguatkuasaan undang-undang yang tegas perlu dilaksanakan bagi memastikan masalah ini dapat dibendung.

Sumber : bharian.com

Huraikan usaha yang terdapat dalam petikan serta usaha-usaha lain untuk membendung masalah tersebut.

3.

KUALA LUMPUR : Sebanyak 38 kes buli berlaku di sekolah-sekolah di negara ini dalam tempoh empat bulan pertama tahun 2022. Situasi ini menimbulkan kerisauan dalam kalangan ibu bapa tentang keselamatan anak-anak mereka di sekolah kerana buli boleh memberikan kesan negatif yang berpanjangan dalam kehidupan kanak-kanak yang mengalaminya.

Sumber: *Internet*

Bincangkan kesan-kesan tersebut.

4.

Pada tahun 2021, hanya sekitar 15 peratus sahaja belia di negara ini terlibat dalam bidang pertanian dan hanya sekitar empat peratus sahaja pelajar di universiti yang berminat menjadikan bidang pertanian sebagai kerjaya mereka. Hal ini memberikan gambaran bahawa golongan muda masih kurang berminat dalam sektor tersebut kerana mereka lebih berminat untuk kerja makan gaji.

Sumber: <https://ipsas.upm.edu.my>

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, bincangkan tindakan pelbagai pihak untuk menarik golongan muda bekerja dalam bidang tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT